

Najib Lancar Festival Keseniaan Antarabangsa KL
MStar Online
31 Ogos 2015

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini melancarkan 'DiverseCity 2015: Festival Kesenian Antarabangsa Kuala Lumpur' yang berlangsung selama lima minggu.

Festival seni yang julung kali diadakan itu, bertujuan menjadikan Kuala Lumpur sebagai pentas utama persembahan seni selama sebulan, yang bukan sahaja terbaik di negara ini, tetapi juga bagi rantau Asia Tenggara.

Ia menampilkan warisan budaya Malaysia dan rantau Asia Tenggara melalui persembahan yang merangkumi tarian, komedi, kesusasteraan dan seni visual.

Festival yang bermula hari ini, akan berlangsung sehingga 4 Oktober.

Perdana Menteri yang tiba bersama isteri Datin Seri Rosmah Mansor, merasmikan pelancaran festival itu yang diadakan di Pavilion, Bukit Bintang, di sini.

Najib juga meluangkan masa selama beberapa minit menyaksikan pameran lukisan oleh Soon Hoe, pelukis kontemporari Malaysia yang berpangkalan di Melbourne.

Terdahulu, pengarah festival berkenaan Datin Sunita Rajakumar dalam ucapan perasmianya berkata festival itu merupakan program persembahan dan seni visual yang menampilkan kepelbagaian Malaysia yang kompleks.

Sunita berkata festival itu akan menampilkan persembahan seperti tarian, komedi, kesusasteraan serta seni visual dan setiap genre dipilih dan dihasilkan adalah daripada pengamal yang terkemuka.

Najib dan Rosmah serta pengunjung pusat beli-belah itu, kemudian dihiburkan dengan tayangan video, persembahan tarian, deklamasi sajak serta persembahan dikir barat dan gendang.

Hakcipta Terpelihara © 2015 Star Media Group Berhad (ROC 10894D)

Source: <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2015/08/31/najib-lancar-festival-keseniaan-antarabangsa-kl/>